



KENYATAAN MEDIA

NRES PERKUKUH USAHA ATASI KONFLIK MANUSIA DAN HIDUPAN LIAR

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) melalui Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan WWF-Malaysia memandang serius peningkatan drastik insiden *roadkill* yang melibatkan hidupan liar di negara ini. Rekod Jabatan PERHILITAN menunjukkan lebih 2,300 insiden *roadkill* telah berlaku dari tahun 2020 hingga 2024. Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) yang menghubungkan Gerik, Perak dan Jeli, Kelantan dikenal pasti sebagai salah satu jalan raya yang mencatatkan insiden *roadkill* tertinggi.

Menyedari kepentingan mengenal pasti langkah praktikal dan segera melalui pendekatan keseluruhan masyarakat (*whole of society*) untuk mengurangkan insiden *roadkill* dan meningkatkan keselamatan jalan raya, satu Sesi Meja Bulat Peringkat Tertinggi mengenai tindakan segera penyediaan infrastruktur jalan raya yang lebih selamat untuk manusia dan hidupan liar di JRTB telah diadakan pada 17 Julai 2025.

Sesi ini dihadiri oleh seramai 60 orang jemputan daripada pihak berkepentingan utama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan utama seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, wakil kerajaan negeri, badan bukan kerajaan, sektor swasta termasuk pemegang konsesi lebuhraya, Persatuan Peniaga Alat Ganti Kejuruteraan dan Kenderaan Selangor dan Wilayah Persekutuan (EMPTA).

Beberapa langkah jangka pendek telah dikenal pasti termasuk mengukuhkan perundangan, pemasangan papan tanda mesra alam serta meningkatkan kesedaran pemandu dan menggalakkan tingkah laku jalan raya yang bertanggungjawab. Penyelesaian jangka

pertengahan dan jangka panjang pula termasuk termasuk pengayaan habitat, meningkatkan ketersambungan hutan dan memelihara lintasan hidupan liar sedia ada.

Pelaksanaan langkah-langkah ini diharapkan dapat diperkukuhkan dan dilaksanakan secara proaktif lebih-lebih lagi sempena sambutan Hari Gajah Sedunia (World Elephant Day - WED) pada 12 Ogos setiap tahun. Aspirasi WED bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat dunia tentang kepentingan pemuliharaan dan perlindungan spesies gajah serta ancaman yang dihadapi. Ini juga selaras dengan Pelan Tindakan Pemuliharaan Gajah Kebangsaan (National Elephant Conservation Action Plan – NECAP 2.0).

Bersempena dengan WED 2025, WWF-Malaysia memeterai Surat Perjanjian dengan EMPTA untuk bekerjasama dalam inisiatif yang menggalakkan keselamatan jalan raya dan mengurangkan *roadkill* hidupan liar. Kerjasama ini membabitkan syarikat pengangkutan, penyedia perkhidmatan logistik dan pihak berkepentingan lain untuk mempromosikan amalan pemanduan yang selamat apabila melalui zon ekologi.

WED 2025 diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara hidupan liar termasuk gajah dan mengukuhkan sokongan pelbagai pihak berkepentingan bagi melindungi dan memelihara gajah demi kesejahteraan hidup generasi kini dan akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
12 OGOS 2025

